

CABARAN INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK SERTA IMPAK TERHADAP PEMBENTUKAN DIRI PELAJAR

Noornajihan Jaafar¹; Zulkiple Abd Ghani²; Siti Rugayah Hj Tibek³; Amir Husin Mohd Nor⁴;
Setiyawan Gunardi⁵; Noor Azizi Ismail⁶; Ramiaida Darmi⁷; Noor Saazai Mat Saad⁸; Mohd
Muzhafar Idrus⁹; Hazlina Abdullah¹⁰; Maziahtusima Ishak¹¹; Hayati Ismail¹², Adibah
Sulaiman¹³

¹Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM

²³ Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM

⁴⁵ Pensyarah Fakulti Syariah Undang-Undang, USIM

⁶⁷⁸⁹¹⁰¹¹¹² Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM

¹³ Pensyarah Pusat Pengajian Teras, USIM

Accepted date: 29 July 2017

Published date: 7 January 2018

To cite this document:

Jaafar, N., Abd Ghani, Z., Tibek, S. R., Mohd Nor, A. H., Gunardi, S., Ismail, N. A., Darmi, R., Mat Saad, N. S., Idrus, M. M., Abdullah, H., Ishak, M., Ismail, H., & Sulaiman, A. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 223 - 235.

Abstrak: Sistem pendidikan pondok merupakan sebuah institusi pendidikan agama Islam yang wujud serta diiktiraf oleh masyarakat. Ia berperanan untuk menyebarkan ilmu agama serta membentuk keperibadian Muslim yang sempurna. Pendidikan Islam yang diterapkan dalam pengajian tersebut adalah salah satu saluran terpenting untuk membentuk perwatakan dan pemikiran selari dengan nilai-nilai Islam. Kurangnya pemahaman kepada didikan Islam akan mendorong seseorang kepada kelakuan yang bertentangan daripada agama Islam. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan pondok selain mengkaji impak pelajar yang mengikuti sistem pendidikan pondok terhadap diri, rakan sebaya dan masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu melalui analisis dokumen serta temu bual menerusi perbincangan meja bulat yang telah diadakan bersama pihak berkepentingan dan edaran borang soal selidik. Seramai 233 responden yang terlibat telah dipilih di beberapa buah Pondok di Semenanjung Malaysia. Dapatan menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang menjadi cabaran kepada perkembangan pondok masa kini iaitu kurikulum, pengurusan dan pengiktirafan pengajian pondok. Hasil kajian turut mendapati, pelajar mengakui bahawa sistem pendidikan ini memberi impak positif kepada diri mereka (min 4.59). Mereka turut mengakui sistem pendidikan ini memberi manfaat kepada keluarga dan persekitaran mereka. Kesimpulannya, sistem pendidikan pondok berupaya untuk membentuk sahsiah pelajar kearah yang lebih baik dan menghasilkan pelajar yang berkualiti.

Kata Kunci: Pembentukan Diri, Sistem Pendidikan Pondok

CHALLENGES OF *PONDOK* EDUCATIONAL INSTITUTION AND IT'S IMPACT ON STUDENTS DEVELOPMENT

Noornajihan Jaafar¹; Zulkiple Abd Ghani²; Siti Rugayah Hj Tibek³; Amir Husin Mohd Nor⁴; Setiyawan Gunardi⁵; Noor Azizi Ismail⁶; Ramiaida Darmi⁷; Noor Saazai Mat Saad⁸; Mohd Muzhafar Idrus⁹; Hazlina Abdullah¹⁰; Mazihtusima Ishak¹¹; Hayati Ismail¹², Adibah Sulaiman¹³

¹Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM

²³ Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM

⁴⁵ Pensyarah Fakulti Syariah Undang-Undang, USIM

⁶⁷⁸⁹¹⁰¹¹¹² Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM

¹³ Pensyarah Pusat Pengajian Teras, USIM

Abstract: The *pondok* educational system is an institution of Islamic religion that exists and is recognized by the community. It plays a role in spreading religious knowledge and forming a perfect Muslim personality. The Islamic education applied in the study is one of the most important channels to shape character and thinking in parallel with Islamic values. Lack of understanding of Islamic teaching will lead a person to behavior that is contrary to Islam. Hence, the purpose of this study is to identify the challenges faced by the *pondok* education institution as well as to study the impact of students following the curriculum system to themselves. This study uses qualitative and quantitative methods through document analysis and interviews via round table discussions with the authority individuals and distribution of questionnaire. A total of 233 respondents were selected from several *pondok* in Peninsular Malaysia. The findings show that there are three main factors that challenge the development of the present cottage curriculum, management and the recognition of cottage studies. The findings also found that students acknowledged that this education system had a positive impact on themselves (mean 4.59). They also acknowledged that this education system benefited their families and their environment. In conclusion, *pondok* education system seeks to create better student orientation and produce quality students.

Key words: Self Development; Pondok Educational System

Pendahuluan

Sistem pendidikan pondok merupakan antara sistem pendidikan tradisional dan terawal di Tanah Melayu yang masih wujud pada ketika ini. Sistem pendidikan ini bermula apabila datangnya tuan guru dan orang alim untuk mengajar ilmu agama kepada masyarakat setempat. Penduduk kampung secara sukarela telah membina rumah dan penginapan bagi tuan guru dan murid-murid dalam satu kawasan yang berdekatan di atas tanah yang diwakafkan. Struktur pengajiannya adalah melalui kaedah menadah kitab dan duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan yang disebut halaqah tanpa kerusi, meja dan peralatan mengajar. Bermatlamatkan untuk menyampaikan ilmu agama yang berbentuk fardhu ain dan fardhu kifayah kepada umat Islam, sistem pendidikan ini juga berperanan dalam membentuk keperibadian Muslim yang sempurna. Dengan adanya guru dan pusat pembelajaran setempat iaitu masjid di sekitar pondok tersebut, aktiviti menuntut ilmu dilihat semakin giat berkembang.

Pelbagai aktiviti keagamaan telah diadakan bagi membantu masyarakat setempat untuk meningkatkan pengetahuan diri.

Penyataan Masalah

Masalah sosial dalam kalangan pelajar khususnya tidak lagi dipandang enteng rentetan daripada berlakunya kes-kes melibatkan pempulian yang membawa kepada kematian. Menurut Baharom Mohamad, Ali Suradin & Zaa'ba Helmi Khamisan (2008), ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah sering kali kebimbangan kerana kadar jenayah dan sosial yang kian meningkat, khususnya dalam kalangan remaja. Selain menambah kepada kerunsingan yang sedia ada, hal ini turut memberi kesan yang mendalam kepada sekolah iaitu agen kawalan sosial yang berperanan dalam mencorak tingkah laku dan moral generasi kini. Pelajar bukan hanya terlibat dengan permasalahan disiplin seperti ponteng sekolah, meniru dalam peperiksaan atau tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah, malah juga terlibat dalam permasalahan keruntuhan akhlak seperti kes khalwat berdua-duaan.

Masalah sosial yang berlaku ini perlu dibendung agar tidak membawa kepada keruntuhan akhlak secara keseluruhan dalam kalangan generasi muda yang bakal mewarisi pemerintahan negara. Pelajar yang mempunyai masalah sebegini dikenakan tindakan hukuman kepada masalah disiplin dengan kaedah diberi nasihat, kaunseling dan amaran bagi menyedarkan mereka tentang kesalahan yang telah dilakukan. Namun, terdapat juga pelajar yang mempunyai masalah disiplin tegar yang tidak mampu dikawal oleh pihak sekolah sehingga membawa kepada hukuman yang paling berat iaitu dibuang sekolah (Khalim Zainal dan Wan Zukifli, 2009). Hukuman ini walaubagaimanapun dianggap masih tidak mampu menyelesaikan masalah sosial pelajar kerana mereka mungkin tidak berubah ke arah kebaikan malah lebih kepada keburukan.

Penghayatan kepada ajaran Islam sepatutnya mampu menjadi benteng kepada mereka daripada perkara yang mungkar kerana Islam adalah agama yang mengajak untuk membuat kebaikan dan menghindari kemungkaran. Namun, kerana didikan yang tidak mencukupi menjadikan mereka terjebak untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan Islam. Khalim et al, 2009 menerangkan bahawa sekiranya pelajar dalam kalangan orang Islam mengamalkan dan menghayati Islam sepenuhnya maka tidak timbul masalah pelanggaran disiplin di sekolah.

Sebagai alternatif, segelintir ibu bapa dewasa ini memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah pondok. Peningkatan penubuhan sekolah pondok yang mendadak telah menarik perhatian Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk mewujudkan satu Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat yang turut memfokus kepada garis panduan serta strategik dan inisiatif pengurusan dan pelaksanaan sekolah pondok (KPT 2018). Justeru, Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak pelajar yang mengikuti sistem pendidikan pondok kepada diri, rakan sebaya dan keluarga dalam mempraktikkan amalan seharian selari dengan tuntutan agama Islam.

Kajian Literatur

Konsep pembentukan diri menurut Islam

Proses pembentukan keperibadian manusia dipengaruhi persekitaran sosial sama ada ia menuju kepada jalan yang baik mahupun yang buruk. Manusia berbeza mengikut persekitaran di sekeliling. Faktor-faktor persekitaran sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya,

guru, sekolah dan media massa. Sistem pendidikan yang sempurna dan juga persekitaran yang positif akan mendorong seseorang untuk berkelakuan baik dan sebaliknya, persekitaran yang buruk dan negatif akan mempengaruhi kelakuan seseorang kearah keburukan (Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, 2012). Mengikut teori pembelajaran sosial (khalim et al. 2009), pembentukan tingkah laku berdasarkan model yang berada di hadapan kita. Sekiranya model tersebut menunjukkan tingkah laku yang baik, maka kita juga akan terikut dengan tingkah laku itu.

Pembentukan insan menurut Siti Noorbiah, Najahudin & Hanifah Musa (2015) adalah satu usaha berterusan yang bersepadu dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Melalui proses peningkatan potensi diri dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial, manusia akan menjadi lebih bertanggungjawab terhadap Allah, sesama manusia dan persekitaran alam demi mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Di dalam Islam, pembentukan peribadi menggambarkan tahap ketakwaan dan iman seseorang. Fiman Allah S.W.T di dalam Al-quran, surah al- anfal yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatnya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jugalah mereka berserah. Iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka.”

(Surah al-anfal ayat 1-3)

Berdasarkan ayat ini, iman mendidik diri untuk tunduk kepada perintah Allah dan secara tidak langsung membendung agar meninggalkan segala perkara larangan. Rasa gementar di dalam hati menjadi penambahan iman mampu membuatkan manusia patuh dan taat dan menzahirkan perasaan tersebut melalui pembentukan amal dan tindakan.

Merujuk kepada Baharom et al (2008), Pendidikan Islam adalah salah satu saluran terpenting untuk membentuk perwatakan dan pemikiran selari dengan nilai-nilai Islam. Menurut beliau lagi, pembentukan identiti pelajar boleh berlaku dalam dua kaedah iaitu secara formal dan tidak formal. Dalam kaedah formal, pembentukan identiti pelajar berlaku di insititusi pengajian seperti sekolah dan diadakan mengikut modul dan terancang. Manakala kaedah tidak formal pula berlaku, di luar sekolah seperti di rumah dan semasa berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat sekeliling.

Wan Mohd Nor (2006) menjelaskan Pendidikan Islam bukan hanya berlaku di dalam bilik darjah atau melalui mata pelajaran Pendidikan Islam atau tertumpu kepada pelajar jurusan islam semata mata. Pendidikan Islam adalah satu bentuk usaha untk menyeimbangkan kekuatan tubuh badan yang ada pada manusia dan kekuatan diri dengan hubungan dengan Allah, kejadian alam sekeliling dan juga hubungan sesama manusia (Hassan Alsyarqawi, 1983).

Konsep pendidikan sekolah pondok

Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab *'fuduqun'* yang bererti rumah tumpangan atau tempat penginap para pengembara. Dalam konteks institusi pendidikan Islam, ia dikaitkan dengan rumah-rumah kecil yang didirikan sebagai tempat tinggal pelajar, berhampiran surau atau madrasah dan rumah tuan guru di sebuah kawasan khas. Di Tanah Melayu tertumpu di Pattani, Kelantan, Trengganu dan Kedah. Pondok-pondok itu dikenali berdasarkan nama guru yang menjadi pengasasnya atau nama tempat/kampung seperti pondok Tok Kenali dan pondok Pasir Tumbuh di Kelantan. Proses pemindahan ilmu dan budaya dalam hidup bersyariat sama ada secara formal atau tidak formal. Selain itu, institusi pondok adalah sistem pendidikan secara formal dan tinggi.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 'sekolah pondok' merupakan institusi pengajian dan pendidikan Islam secara tradisional. Terdapat pelbagai nama yang diberikan kepada sekolah pondok seperti pesantren di Jawa, pensantren di Madura, ranggang di Aceh dan surau di Minangkabau. Sekolah pondok adalah sebuah kawasan yang di dalamnya terdapat institusi pengajian Islam yang berbentuk tradisional.

Institusi pondok merupakan hasil cetusan dari institusi pengajian Islam di rumah, *suffah*, masjid dan juga istana. Bermatlamatkan untuk menyampaikan ilmu agama yang berbentuk fardhu ain dan fardhu kifayah kepada umat Islam, institusi ini juga berperanan dalam membentuk keperibadian Muslim yang sempurna. Sistem pengajian pondok boleh dikatakan lebih kemas dengan struktur pengajiannya melalui kaedah menadah kitab dan duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan yang di sebut halaqah tanpa kerusi, meja dan peralatan mengajar. Institusi pondok telah didirikan oleh alim ulama bagi tujuan menyebarkan ilmu agama serta memperkukuhkan pegangan akidah dan nilai-nilai Islam serta nilai-nilai konservatif budaya masyarakat Melayu pada zaman berkenaan (Mashitah Ramli & Azian Ali, 2015).

Menurut Abd Rahman Abd Ghani, Misnan Jemali, Mohd Noor Daud & Abdul Munir Ismail (2015), Pondok merupakan sekolah yang memunyai sistem pendidikan tradisional yang banyak ditubuhkan di Malaysia, Indonesia (dikenali sebagai pesantren) dan di Thailand (Patani). Sistem pendidikan ini berteraskan kurikulum pengajian Islam dan pelajar-pelajarnya tinggal di Pondok. Kurikulum di sekolah ini hanya menekankan aspek asas-asas ibadah fardhu, ain dan fardhu kifayah tanpa pendidikan akademik yang formal.

Abdullah Ishak di dalam Mashitah et al. (2015) menyatakan bahawa para pelajar yang memasuki institusi pondok tidak dihadkan umur, sesiapa sahaja mampu memasuki institusi tersebut asalkan boleh membaca al-Quran, pandai menulis jawi atau mereka yang telah tamat pengajian agama di peringkat permulaan di kampung. Sebagaimana umur yang tidak dihadkan, begitulah juga dengan tempoh masa belajar. Penentuan lama mahupun singkat masa belajar tepulang kepada kesanggupan para pelajar itu sendiri. Umumnya ilmu yang dipelajari tidak berbeza ketika di peringkat rendah dan pertengahan, tetapi ia lebih meluas dan lebih mendalam dengan menumpukan pengajian terhadap kitab berbahasa Arab.

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian adalah dirumuskan seperti berikut:

- 1) Meneroka cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan pondok
- 2) Mengenalpasti impak pelajar yang mengikuti sistem pendidikan pondok kepada diri, keluarga dan rakan sebaya

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Bagi mendapatkan maklumat mengenai cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan pondok, kaedah analisis dokumen dan perbincangan berfokus dilaksanakan melalui perbincangan meja bulat yang telah diadakan pada 8 Januari 2017. Perbincangan meja bulat tersebut melibatkan beberapa orang panel yang berautoriti daripada setiap negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Panel terdiri daripada pegawai di bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam bagi setiap negeri. Rasional pemilihan pegawai tersebut disebabkan mereka merupakan personel yang bertanggung jawab dengan hal ehwal pendidikan agama Islam di negeri masing-masing. Seramai tiga belas orang hadir dalam perbincangan tersebut. Manakala bagi mendapatkan maklumat berkenaan persepsi pelajar terhadap impak sekolah pondok kepada diri, borang soal selidik telah diedarkan kepada seramai 233 pelajar pondok.

Cabaran Institusi Pondok di Malaysia

Permasalahan yang dihadapi oleh institusi pondok masih berterusan, dan berdasarkan laporan Pegawai Agama Islam di setiap negeri yang bertanggungjawab dalam melakukan pemantauan mereka terhadap penubuhan, perjalanan dan pengurusan pondok-pondok di setiap negeri. Keadaan ini menjadikan Institusi Pondok berada dalam keadaan dilema sama ada meneruskan perjalanan pondok atau menutupnya selepas kematian pengasasnya. Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual berfokus yang dijalankan, hasil kajian menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh institusi pondok terbahagi kepada iaitu 1) kurikulum; 2) sistem pengurusan; dan 3) hala tuju pendidikan (Azemi Kadir, 1986).

Cabaran pertama ialah kurikulum, kajian menunjukkan bahawa institusi pendidikan pondok dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu Pondok Tradisional dan Pondok Moden. Pondok tradisional lebih menggunakan sistem pendidikan dan pengajaran yang lama tanpa melakukan perubahan. Manakala Pondok Moden lebih terkehadapan kerana menerima sistem pendidikan akademik tanpa mengabaikan sistem pengajian pondok serta lebih bersifat moden. kurikulum pendidikan atau pengajian pondok kelihatan lebih tertumpu pada aspek ukhrawi (Abdullah, 2005). Pengajian yang melibatkan kitab-kitab lama sebagai modul pembelajaran tanpa mempelajari pelajaran akademik membuatkan Institusi Pondok bukan menjadi pilihan utama dalam masyarakat (Rahimin Affandi, 2002). Sebahagian tenaga pengajar pondok beranggapan bahawa pendidikan akademik adalah sistem pendidikan yang bersifat sekular dan menjadi ancaman kepada masyarakat Islam. Pemikiran sedemikian menunjukkan mereka bersifat tertutup dalam menerima perubahan dalam sistem pendidikan mereka. Namun, perkara itu hanya berlaku kepada pondok tradisional kerana pendekatan yang digunakan oleh pondok moden adalah berbeza iaitu dengan menerima pendidikan akademik dan arus kemodenan.

Cabaran yang kedua adalah mengenai sistem pengurusan pondok. Berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama Pegawai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menunjukkan institusi

pendidikan pondok perlulah berdaftar di bawah JAIN. Namun begitu, hanya sebahagian kecil pondok yang telah berdaftar di bawah JAIN dan perkara ini menyukarkan proses pengurusan maklumat serta penyampaian bantuan kepada pondok tersebut. Terdapat pondok yang beranggapan bahawa pihak JAIN ingin campur tangan serta mengambil alih pondok yang dibina oleh mereka. Salah faham ini menyebabkan kerjasama yang diberikan kepada pihak JAIN tidak memberangsangkan. Oleh itu, dapatan pondok yang telah berdaftar di bawah JAIN adalah sedikit berbanding dengan bilangan yang sebenar. Jika sebelum ini institusi pondok kebanyakan mendapat dana dari bantuan orang ramai seperti derma dan zakat (Azemi Kadir, 1986; Ramli et al, 2015; Arba'iyah, 2008), namun perubahan zaman telah menyebabkan bantuan kewangan berkurangan. Perkara ini menyebabkan sebahagian pengurusan pondok telah mengambil inisiatif dengan melakukan kutipan derma bagi menjana kewangan pengurusan pondok mereka. Hal ini dapat dielakkan sekiranya mereka berdaftar di bawah JAIN kerana sebahagian pihak JAIN mempunyai peruntukan khusus dalam menyampaikan bantuan dari sudut kewangan, tenaga pengajar dan alat-alat bantu mengajar. Keengganan mendaftar di bawah JAIN turut menyukarkan pihak JAIN dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pentadbir pondok itu sendiri seperti pengurusan tapak pondok, pembinaan bangunan yang tidak mengikut spesifikasi dan isu wakaf. Masalah kedudukan sekolah atau tapak bangunan juga sering menjadi masalah apabila pihak pondok yang menerima waqaf tidak mendaftarkan tanah tersebut sebagai tanah waqaf menyebabkan waris boleh menuntut tanah tersebut dan pondok terpaksa mengahdapi masalah yang berlarutan dan tidak boleh selesai.

Kelonggaran daripada sudut pengurusan juga dapat dilihat berdasarkan sistem pembahagian tempoh masa pengajian pelajar yang tidak mempunyai tempoh masa yang tetap. Kebanyakan pondok tradisional tidak meletakkan tempoh masa bagi pengajian di pondok mereka. Seorang pelajar itu boleh duduk di situ seberapa lama yang diinginkan oleh mereka di samping tiada peperiksaan atau penilaian khusus bagi menilai tahap penguasaan mereka (Rosnani, 1996; Ramli et al, 2015). Hal ini berkemungkinan berdasarkan konsep pembelajaran di dalam Islam yang menekankan pembelajaran di sepanjang hayat. Berbeza dengan sistem pondok moden yang kelihatan lebih bersistematik. Terdapat tempoh tertentu untuk pelajar mereka menamatkan pengajian serta penilaian tertentu untuk menilai pencapaian mereka. Namun, perkara utama yang menjadi masalah adalah ketiadaan pelapis dalam menguruskan pondok selepas kematian pengasasnya. Perkara ini yang berlaku di kebanyakan pondok sehinggakan institusi pondok itu terpaksa diserahkan kepada pihak kerajaan negeri untuk menguruskannya (Azemi Kadir, 1986). Cabaran Ketiga ialah hala tuju. Cabaran perkembangan institusi Pendidikan pondok juga mempunyai kaitan dengan hala tuju pendidikan di institusi itu sendiri. Konsep pendidikan yang lebih menjurus kepada agama serta akhirat menyebabkan kebanyakan pondok yang bersifat tradisional tidak menyediakan platform pekerjaan yang jelas kepada penuntutnya (Azemi Kadir, 1986; Ramli et al, 2015). Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, mempelajari kitab-kitab lama dan ketiadaan pengurusan sistematik menyebabkan tiada had atau tempoh seorang pelajar itu untuk menamatkan pengajian mereka. Perkara ini menjadi lebih rumit apabila institusi ini disertai oleh pelajar bermasalah sehingga dianggap sebagai tempat pemulihan akhlak (Rahimin Affandi, 2002). Hal ini turut diakui oleh sebilangan Pegawai JAIN yang terlibat dalam pemantauan serta tenaga pengajar di beberapa institusi pondok itu sendiri. Bahkan sebilangan ibu bapa menjadikan institusi pondok ini sebagai pilihan terakhir sekiranya anak mereka tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pengajian awam atau swasta (Rahimin Affandi, 2002). Pandangan yang skeptikal ini menyebabkan masyarakat beranggapan bahawa lepasan pondok tidak mampu untuk bersaing dengan institusi pengajian yang lain kerana ketiadaan sijil akademik yang diiktiraf serta tidak mempunyai kemahiran hidup setelah tamat pengajian mereka.

Sikap menolak perubahan dalam sistem pendidikan pengajian pondok juga menjadi penghalang kepada perubahan yang lebih baik. Anggapan negatif bahawa pengajian pondok ini tidak boleh dimasukkan pendidikan berbentuk akademik atau latihan kemahiran masih wujud. Sebagai contoh dalam perbincangan meja bulat yang diadakan terdapat keluhan daripada pegawai pendidikan JAIN yang terpaksa berhadapan dengan kerendah pentadbir sekolah Pondok. Antara jawapan yang ketara sebagai penolakan ialah “ini nak sekularkan kami” anggapan ini sama dengan hasil temubual individu yang telah diajalkan pada 19 Januari 2017 dengan salah seorang mudir sekolah pondok yang menyatakan bahawa dengan memasukkan pendidikan kemahiran boleh menghapuskan tujuan asal pendidikan pondok iaitu untuk membina pendakwah. Beliau turut beranggapan para pelajar akan lebih cenderung kepada kemahiran malah pandangan yang lebih ekstrem ialah apabila menganggap usaha ini boleh membunuh sistem pendidikan pondok.

Persepsi Pelajar Terhadap Impak Sistem Pendidikan Pondok

Taburan responden mengikut jantina

Responden adalah terdiri daripada kumpulan yang berbeza. Jadual 1 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan. Bilangan responden mengikut jantina menunjukkan majoriti adalah lelaki iaitu seramai 178 orang (76.4%) manakala bakinya seramai 55 orang (23.6%) adalah perempuan.

Jadual 1: Bilangan dan Responden Mengikut Jantina

Kategori	Kekerapan	Peratusan
LELAKI	178	76.4
PEREMPUAN	55	23.6
Total	233	100.0

Taburan responden mengikut tahap Pendidikan

Majoriti responden memiliki tahap pendidikan sekurang-kurangnya tamat Darjah Enam (UPSR) iaitu seramai 145 orang (62.2%); 18 orang (7.7%) memiliki kelayakan PMR/SRP/LCE/PT3; 23 orang (9.9%) memiliki sijil SPM; 1 orang (.4%) memiliki Diploma; 3 orang (1.3%) tidak menamatkan persekolahan manakala bakinya seramai 31 orang (13.3%) menyatakan mereka memiliki kelulusan lain.

Jadual 4: Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Kategori	Kekerapan	Peratusan
UPSR	145	62.2
PMR/SRP/LCE/PT3	18	7.7
SPM/MCE	23	9.9
LAIN-LAIN	31	13.3
DIPLOMA	1	.4
TIDAK MENAMATKAN PERSEKOLAHAN	3	1.3
Total	221	94.8
Missing System	12	5.2
Total	233	100.0

Taburan responden mengikut kategori umur

125 orang responden (53.6%) responden berada dalam lingkungan umur antara 12 hingga 17 tahun; 98 orang (42.1%) berumur antara 18 hingga 25 tahun manakala bakinya seramai 10 orang (4.3%) berumur sekurang-kurangnya 26 tahun. Responden paling muda berusia 11 tahun manakala responden paling tua berusia 29 tahun.

Jadual 4: Bilangan Responden Mengikut Kategori Umur

Kategori	Kekerapan	Peratusan
12 tahun - 17 tahun	125	53.6
18 tahun - 25 tahun	98	42.1
26 tahun ke atas	10	4.3
Total	233	100.0

Impak sistem pendidikan pondok kepada reponden

Sebanyak 16 item telah dibina oleh penyelidik bagi melihat impak sistem pendidikan pondok kepada reponden. Impak yang ingin dilihat adalah impak terhadap diri sendiri, keluarga dan juga rakan-rakan. Daripada kesemua item tersebut, didapati item “Mendekatkan diri kepada Allah SWT mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.81 manakala item “Peluang kerjaya” mencatatkan nilai min paling rendah iaitu 4.12 (Jadual 5).

Jadual 5 : Impak Pendidikan Pondok Terhadap Responden

No.	ITEM	N	Min	Sisihan piawai
1	Menambah ilmu pengetahuan saya	232	4.75	.497
2	Peluang kerjaya	232	4.12	.955
3	Menjalankan amanah sebagai khalifah Allah	232	4.65	.561
4	Memahami konsep kesederhanaan dalam kehidupan	231	4.55	.615
5	Mendekatkan diri kepada Allah SWT	232	4.81	.407
6	Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan	232	4.74	.486
7	Membina keseimbangan antara dunia dan akhirat	232	4.67	.514
8	Menjadi ahli keluarga yang lebih baik	232	4.67	.556
9	Berkongsi ilmu dengan keluarga	232	4.66	.557
10	Menjadi contoh yang baik dalam keluarga	230	4.55	.572
11	Berkomunikasi dengan lebih baik dan berkesan dengan keluarga	230	4.53	.574
12	Menjadi rakan yang lebih baik	230	4.44	.720
13	Berkongsi ilmu dengan rakan	230	4.53	.618
14	Berdamping dengan orang yang berakhlak	230	4.53	.697
15	Mengajak rakan-rakan saya melakukan kebaikan	230	4.56	.616
16	Menggalakkan rakan-rakan mengikuti pengajian di sini	230	4.33	.822
MIN KESELURUHAN			4.56	

Perbincangan

Biarpun sekolah pondok menghadapi pelbagai cabaran, ia terus menjadi sebahagian daripada institusi pengajian di negara ini malah boleh dianggap menjadi tempat yang penting apabila menjadi pilihan daripada ibubapa yang berpandangan anak mereka akan mendapat pendidikan agama yang sempurna dengan mengikuti pengajian di pondok. Malah satu perkara yang lebih menarik dan perlu diberi perhatian bahwa sekolah pondok telahpun menjadi tempat untuk menerima anak-anak yang bermasalah di luar, harapan ibubapa anak-anak mereka dapat dididik dengan baik. Oleh itu cabaran yang dihadapi mestilah diatasi dengan cara yang baik. Ruang untuk perbincangan yang harmoni antara pentadbir institusi pondok dengan pihak yang berwajib dalam hal ehwal pendidikan perlulah sentiasa terbuka. Penyelarasan kurikulum dan juga memberikan nilai tambah kepada pendidikan agama iaitu pendidikan kemahiran perlu diberi perhatian sewajarnya demi melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan di pondok berjaya dalam membina sahsiah pelajar berkualiti. Item “mendekatkan diri kepada Allah SWT” yang telah mencatatkan purata tertinggi membuktikan bahawa pelajar cuba untuk meningkatkan sahsiah diri mereka kearah yang lebih baik. Sistem pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan ini berjaya mempengaruhi keperibadian pelajar.

Hasil kajian ini telah menyokong Falsafah Pendidikan Islam iaitu; Pendidikan Islam ialah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membantu diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Perbahasan Dr Abdullah Nasih Ulwan (2015) berkisar tentang akhlak dilihat seiring dengan hasil kajian ini. Manusia secara fitrahnya, jika dididik supaya beriman dan bergantung kepada Allah akan lebih mudah menerima perkara yang mulia dan akhlak yang baik. Sifat ini akan menjadi faktor penghalang daripada melakukan kemaksiatan kerana perisai agama itu telah tertanam di dalam hati dan sentiasa bersegera dalam melakukan perkara-perkara yang baik.

Pendekatan elemen keagamaan dalam sistem pendidikan pondok membantu dalam proses pementapan iman pelajar. Pelajar dilatih untuk membina sahsiah diri melalui aktiviti keagamaan seperti solat malam dan ceramah-ceramah agama selain mengikuti kelas wajib. Keperibadian Muslim mampu dibentuk melalui latihan ibadah yang utama iaitu solat. Solat yang sempurna akan mencerminkan keperibadian yang mulia. Firman Allah yang bermaksud, “sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar”. Ini jelas menunjukkan kualiti solat yang baik mampu membendung diri daripada anasir buruk.

Selain daripada solat lima waktu yang wajib dilaksanakan, pelajar dilatih untuk membiasakan diri dengan solat sunat dan zikir harian. Bagi sesetengah pendidikan pondok, mereka mewajibkan zikir harian agar menjadi pelindung diri dan juga sebagai denda kepada pelajar yang melakukan kesalahan. Hasil daripada zikir tersebut telah berjaya menundukkan ego pelajar sekaligus membantu proses muhasabah diri. Ketaatan kepada Allah SWT mampu memberikan rasa kepuasan dalam beribadah sehingga menjadikan diri lebih tenang. Hal ini jelas dikatakan dalam Al-quran, surah al-Fajr ayat 27-30 yang bermaksud:

'wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! Kembalilah kepda Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu)! Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam Syurgaku!

Selain itu, sistem pendidikan pondok dilihat mampu memberi manfaat yang baik kepada keluarga dan persekitaran pelajar. Impak mengikuti pengajian sistem tersebut menggalakkan pelajar untuk berkongsi pengetahuan mereka bersama ahli keluarga dan rakan. Pelajar dilatih untuk membina keyakinan diri melalui majlis muhadharah yang menwajibkan pelajar menyertai program pidato, khutbah, perbahasan melalui kaedah pertandingan. Aktiviti yang diadakan menyebabkan pelajar sentiasa berusaha untuk meningkatkan diri dengan pengetahuan dan sentiasa bermotivasi untuk berkongsi ilmu baru dengan orang di persekitaran mereka.

Hasil kajian lepas oleh Abdullah Muhammad Zain dalam Abd Rahman Abd Ghani, Misnan Jemali, Mohd Noor Daud & Abdul Munir Ismail (2015) membahaskan tentang kurikulum yang diguna pakai oleh sistem pondok adalah kurang teratur dan lebih ditumpukan kepada aspek *ukhrawi* ilmu agama meyebabkan pelajar agak ketinggalan. Namun, hasil kajian ini menunjukkan sistem pendidikan di pondok juga mendedahkan pelajar dengan pendidikan holistik termasuk kualiti kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah, amalan komunikasi yang baik dan tanggungjawab sosial sebagai asas untuk membina insan seimbang yang dilengkapi dengan ilmu duniawi dan ukhrawi.

Kesimpulan

Daripada analisis data berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa sistem pendidikan pondok mampu untuk menangani permasalahan sosial yang kian berlaku dalam kalangan pelajar. Kaedah pembelajaran yang dilaksanakan telah berjaya memberi impak yang mendalam kepada diri pelajar khususnya dalam aspek mendekati diri kepada Allah. Sistem pendidikan yang mempunyai elemen Islam mampu menjadi agen pengubah kepada permasalahan yang berlaku kerana pendidikan berteraskan Islam adalah bertujuan untuk membentuk manusia yang berkeperibadian Islam yang utuh iaitu ideal dan sempurna dalam segala aspek individual dan sosial.

Walaupun sistem pendidikan pondok mempunyai kekurangan mereka tersendiri, namun tidak dinafikan institusi tersebut memainkan peranan dalam membentuk aklahk dan keperibadian muslim pelajar. Malah satu perkara yang lebih menarik dan perlu diberi perhatian bahawa sekolah pondok telah pun menjadi tempat untuk menerima pelajar-pelajar yang bermasalah dan ibubapa telah meletakkan harapan yang tinggi agar anak-anak mereka dapat dididik dengan baik. Adalah diharapkan agar sistem pendidikan pondok diiktiraf sebagai insituti formal yang mampu berdiri seiring dengan sistem pendidikan arus perdana.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Hafiz Abdullah. (2001). *Pengajian Tafsir di Pondok-pondok negeri Kelantan: Kajian Khusus Tiga Buah Pondok*. Bangi: UKM.
- Abdul Monir Yaacob. (1994). *Ilmu Sebagai Teras Keunggulan Ummah: Ilmu Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abd Rahman Abd Ghani, Misnan Jemali, Mohd Noor Daud & Abdul Munir Ismail. (2015). Pelaksanaan Kurikulum Tajwid di Sekolah-Sekolah Pondok Negeri Perak. *Jurnal Perspektif*. 8 (2). 54-69.
- Abdul Rashid Ahmad. (1966). Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat di Kelantan, Tesis B.A. Universiti Malaya.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don. (2005). *Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok Ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adibah Sulaiman @ Mohamad & Ezad Azraai Jamsari. (2011). Tradisi Keintelektualan Melayu dan Transformasi Pendidikan Agama Awal Abad ke-20. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) IV. 25-26 November 2011.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar.
- Alwan, Abdullah Nasih. (1928-1987). *Tarbiyatul Aulad*. Jilid 1/ Abdullah Nasih Ulwan; (Terjemahan: Mohd Ikhwan bin Abdullah). Selangor: PTS Publications.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2008). *Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan, Malaysia dalam Sejarah (Malaysia in History)*.
- Awang Had Salleh. (1977). *Institusi Pondok di Malaysia, Masyarakat Melayu; Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publisher and Distributors.
- Azemi Kadir. (1986). Madrasah Al-Diniah Al-Bakriah, Pasir Tumboh, Kota Bharu Kelantan. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Latihan Ilmiah Sarjana Muda
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Zaa'ba Helmmi Khamisan. (2008). Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008. Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Cowan J.M. (1976). *The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*. New York. Spoken Language Service.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli. (2009). Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic education* 1 (2), 1-14.
- Mashitah Ramli & Azian Ali. (2015). Sejarah (Tipologi) Penginstitusian Sekolah Agama di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan Di Yik Dan Jais. *Journal Al-Muqaddimah*. Vol 3(3), 50-65.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2010). *Zawiyah: Institusi Ilmu Pertama di Alam Melayu*. Selangor: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2002). Pemikiran Reformis Melayu Semasa: Satu Analisa, Kertas kerja Seminar Bahasa dan Pemikiran Melayu. Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, pada 18hb. Jun 2002.

- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. (2015). Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan Western-Type-Education. *Jurnal Perspektif*. 8 (2). UPSI.
- Rosnani Hashim. (1996). *Educational Dualism in Malaysia: Implication for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading.
- Siti Noorbiah, Najahudin Lateh, Hanafiah Musa. (2015). Proceeding of the 3 rd Global Summit on Education GSE. Kuala Lumpur, Malaysia. 664-671.
- Shafie Abu Bakar. (1987). *Melaka Sebagai Lambang Keagungan Bangsa Melayu, Dalam Pertemuan Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shafie Abu Bakar. (1994). *Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Sharqawi, Hasan. (1983). *Nahw Tarbiah Islamiah*. Iskandariah: Muassasah Thiyab al-Jami'ah.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2006). *Masyarakat Islam Hadahari: Satu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan kearah Penyatuan Pemikiran Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Hj Tibek, Amir Husin Mohd Nor, Setiyawan Gunardi, Noor Azizi Ismail, Noornajihan Jaafar, Ramiaida Darmi, Adibah Sulaiman, Noor Saazai Mat Saad, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Hayati Ismail, Maziahtusima Ishak.